



PEKELILING NAIB CANSELOR

BIL. 1 / 2006

**Kepada Semua
DEKAN FAKULTI / PENGARAH KAMPUS CAWANGAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

السلام عليكم ورحمة الله بركاته

Y.Bhg. Dato' / Datin / Prof. / Tuan / Puan.

EMPOWERMENT PENGURUSAN LATIHAN DAN PEMBANGUNAN STAF AKADEMIK

Harap maklum bahawa Jawatankuasa Latihan dan Pembangunan Staf (Induk) dalam mesyuarat ke-221 pada 27 Disember 2005, telah membuat keputusan untuk melaksanakan *empowerment* secara berperingkat kepada Dekan Fakulti / Pengarah Kampus dalam urusan latihan staf akademik. Buat permulaan, 3 aktiviti latihan berikut akan dipertanggungjawabkan kepada Panel Pembangunan Sumber Manusia Peringkat Fakulti / Kampus mulai 1 Januari 2006. Panel ini akan bertanggungjawab membuat keputusan dan memberi kelulusan ke atas permohonan staf untuk :-

1. Membentang Kertas Kerja di dalam Negara
2. Menghadiri Kursus / Seminar dalam Negara
3. Menghadiri Latihan Profesional (tidak melebihi 3 bulan).

Walau bagaimanapun, permohonan dari para Dekan Fakulti / Pengarah Kampus perlu dikemukakan terus kepada Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Pengantarabangsaan) untuk kelulusan.

Untuk mempastikan proses *empowerment* ini berjalan lancar dan penuh bertanggungjawab dengan memberi peluang yang saksama kepada staf akademik di bawah jagaan masing-masing, semua Dekan Fakulti / Pengarah Kampus diminta untuk mematuhi sepenuhnya Buku Panduan / Garis Panduan yang dilampirkan bersama-sama ini.

Dengan keputusan ini, Dekan Fakulti / Pengarah Kampus sebagai Pengerusi Panel Pembangunan Sumber Manusia peringkat Fakulti / Kampus Cawangan adalah bertanggungjawab sepenuhnya dalam menentukan tadbir urus sentiasa telus dan adil dengan menepati terma rujukan memelihara integriti dan akauntabiliti Panel berkenaan.

Sekian.

والسلام

Yang benar

DATO' SERI PROF. DR IBRAHIM ABU SHAH
Naib Canselor

- s.k. - 1. Semua Ahli Jawatankuasa Latihan & Pembangunan Staf (Induk)
2. Ketua Timbalan Pendaftar
Jabatan Pembangunan Sumber Manusia

Surat kami : 500-BPD (BLB/UB. 14/3/2/1)

Tarikh : 30 Disember 2005